

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA
[BATU]
TARIKH : 19.06.2014 (KHAMIS)

TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA [BATU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sila terangkan mengapa banyak barangan 1Malaysia lebih mahal berbanding pesaing lain. Contoh; di Mydin Kuala Terengganu, tisu cutie soft dijual pada harga RM6.50, YiFa pada harga RM4.50 dan Tisu 1Malaysia pada harga RM6.90.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kedai Rakyat 1Malaysia atau KR1M berkonsepkan kedai serbaneka yang menyediakan **pelbagai barangan keperluan isi rumah** berjenama **1Malaysia Kedai Rakyat (1MKR)** dan **harga yang ditawarkan adalah sehingga 50% lebih rendah berbanding dengan jenama terkenal** dan kualiti tetap diutamakan. Pelaksanaan program KR1M ini adalah merupakan gerakan nasional bagi menangani kos sara hidup dan pada masa yang sama mengekang kenaikan harga barang di pasaran. Kerajaan menetapkan sasaran

sekurang-kurang sebuah KR1M bagi setiap kawasan Parlimen. Sehingga 29 Mei 2014, KR1M menawarkan sebanyak 378 pilihan produk 1Malaysia Kedai Rakyat (1MKR) kepada pengguna. Harga produk 1MKR adalah tetap sepanjang masa manakala produk bukan 1MKR ditentukan oleh pasar raya terbabit. Disamping itu, berdasarkan kepada semakan hanya ada dua jenis tisu 1Malaysia yang dijual di Mydin Kuala Terengganu iaitu:

- i) Tisu muka 1 Malaysia (80 helai x 4 kotak) dengan harga RM3.70; dan
- ii) Tisu tandas 1 Malaysia (200 helai x 10 gulung) dengan harga RM5.90

Manakala bagi tisu lain yang dibandingkan di Mydin Kuala Terengganu adalah seperti berikut:

- i) Tisu cutie soft (200 helai x 10 gulung) dengan harga RM6.50; dan
- ii) Tisu YiFa (180 helai x 10 gulung) dengan harga RM4.50

Berdasarkan kepada maklumat tersebut, harga yang dimaklumkan bagi tisu 1Malaysia adalah tidak tepat dan perincian maklumat produk tisu 1Malaysia juga tidak dinyatakan. Perbandingan bagi produk yang sama berjenama lain perlu mempunyai persamaan dari segi jumlah kandungan dan bahan yang digunakan agar perbandingan yang dibuat adil bagi semua pihak.



**SENARAI BARANG BERSERTA HARGA BAGI PRODUK YANG
DIBANDINGKAN**

Gambar 1: Tisu 1 Malaysia (Harga RM5.90)



Gambar 2: Tisu Cutie Soft (Harga RM6.50)



Gambar 3: Tisu Yi Yi Fa (Harga RM4.50)